



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL

# Kajian Pembangunan Struktur Sosial Masyarakat Dalam Kawasan Rukun Tetangga



**Kajian Pembangunan  
Struktur Sosial  
Masyarakat Dalam  
Kawasan Rukun  
Tetangga**



# **Kajian Pembangunan Struktur Sosial Masyarakat Dalam Kawasan Rukun Tetangga**

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,

Lebuhr Perdana Timur,

Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

Putrajaya, 2024

Hak Cipta © Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Kajian Pembangunan Struktur Sosial Masyarakat Dalam Kawasan Rukun Tetangga

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada JPNIN terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the JPNIN

Pasukan Penyelidik:

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi bin Ishak

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin FASc

Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan

Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Bin Ismail

Dr. Mohd Herry Bin Mohd Nasir

Prof. Madya Ts. Dr. Aidi Ahmi

Dr. Azizah binti Sarkowi

En. Ahmad Zul Hakimi bin Hassim

Pn. Bahirah Syazana binti Mohamad Zan



## Kandungan

<b>BAB SATU: Pendahuluan</b>	9
- Latar Belakang Kajian	10
- Objektif Kajian	11
- Skop Kajian	12
- Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti	13
<b>BAB DUA: Metodologi</b>	19
- Reka Bentuk Kajian	20
- Sampel Kajian	21
- Pemboleh Ubah Kajian	22
- Daripada Profil Kepada Struktur Sosial	23
- ID KRT	24
- Kerangka Struktur Sosial Komuniti KRT	25
<b>BAB TIGA: Dapatan Kajian</b>	27
<b>JUMLAH KRT KAJIAN</b>	28
<b>INSTITUSI SOSIAL: INDIVIDU</b>	
- Profil Individu Berdasarkan Jantina	29
- Profil Individu Berdasarkan Kategori Umur	30
- Profil Individu Berdasarkan Tahap Kesihatan	31
<b>INSTITUSI SOSIAL: KELUARGA</b>	
- Profil Keluarga Berdasarkan Jenis Keluarga	32
<b>INSTITUSI SOSIAL: KOMUNITI</b>	
- Profil Individu Berdasarkan Agama	33
- Profil Individu Berdasarkan Etnik - Semenanjung	34
- Profil Individu Berdasarkan Etnik – Sabah, Sarawak & Labuan	35
<b>STRATIFIKASI SOSIAL: SOSIOEKONOMI</b>	
- Stratifikasi Sosioekonomi Berdasarkan Jenis Pekerjaan	36
- Stratifikasi Sosioekonomi Berdasarkan Pendidikan	40

**STRATIFIKASI SOSIAL: PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI**

- Penglibatan Dalam Pelbagai Organisasi	41
- Penglibatan Dalam KRT	43
- Penglibatan Dalam KRT Mengikut Jawatan Disandang	44
- Penglibatan Dalam Jawatan KRT dan SRS Mengikut Jantina	45
- Penglibatan Dalam KRT Berdasarkan Etnik - Semenanjung	46
- Penglibatan Dalam KRT Berdasarkan Etnik – Sabah, Sarawak & Labuan	47

**STRATIFIKASI SOSIAL: STATUS SOSIAL**

- Stratifikasi Status Sosial Berdasarkan Pemilikan Kediaman	48
- Stratifikasi Status Sosial Berdasarkan Pemilikan Harta	49
- Stratifikasi Status Sosial Berdasarkan Pendapatan	50

**STRATIFIKASI SOSIAL: PERANAN**

- Stratifikasi Peranan Berdasarkan Status Pekerjaan	51
- Stratifikasi Peranan Berdasarkan Jawatan Dalam Organisasi	53

**NORMA SOSIAL: BUDAYA DAN NILAI**

- Budaya dan Nilai Dalam Masyarakat KRT	54
- Isu-isu dalam KRT	55

**BAB EMPAT: Cadangan dan Kesimpulan**

- Cadangan dan Pelan Tindakan: Perpaduan	57
- Cadangan dan Pelan Tindakan: Kesukarelawan	58
- Cadangan dan Pelan Tindakan: Kenegaraan	61
- Kesimpulan	64
- Jalan Ke Hadapan	67
	68

<b>GLOSARI</b>	69
----------------	----

<b>RUJUKAN</b>	70
----------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	71
-----------------	----



**Bab Satu**  
**PENDAHULUAN**

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian pembangunan struktur sosial masyarakat dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan suatu kajian yang penting kepada Kementerian Perpaduan Negara khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk memastikan pembangunan sosial dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dapat digerakkan secara lebih terancang dengan mengambil kira struktur sosial yang wujud dalam KRT. Sejak sekian lama, pembangunan setiap KRT sangat bergantung kepada dana tahunan yang disediakan oleh JPNIN. Terdapat juga jawatankuasa KRT yang aktif melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif mencari dana bagi menggiatkan pembangunan KRT masing-masing. Justeru, selain daripada memfokuskan kepada usaha perpaduan dalam komuniti, terdapat KRT yang telah berjaya mengusahakan pelbagai projek penjaanaan ekonomi komuniti dalam kawasan masing-masing. Kejayaan ini menunjukkan usaha bersepadu oleh jawatankuasa dan penduduk dalam KRT amat bergantung kepada daya usaha, keupayaan dan kesediaan penduduk dalam kawasan tersebut untuk menggerakkan pendekatan yang bersesuaian dengan kawasan masing-masing. Oleh itu, keperluan untuk mengenal pasti kekuatan dan keupayaan yang boleh disumbangkan oleh penduduk khususnya pemastautin tetap dalam KRT adalah suatu usaha yang penting untuk pembangunan sesebuah KRT secara lebih tersusun.

Pewujudan pangkalan data profil penduduk yang tinggal dalam kawasan KRT adalah suatu keperluan penting kepada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan JPNIN melalui suatu usaha bersepadu dan berterusan. Pangkalan data profil penduduk dapat membekalkan maklumat untuk mengenal pasti struktur sosial masyarakat yang menetap dalam sesebuah KRT. Pemahaman mengenai struktur sosial masyarakat KRT akan dapat membantu dan memudahkan jawatankuasa KRT dan JPNIN untuk merancang aktiviti dan program bagi mencapai manfaat semaksimum mungkin dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat. Usaha ini juga akan dapat memenuhi agenda perpaduan negara dari masa ke semasa. Pihak jawatankuasa KRT juga akan dapat menguruskan dana tahunan KRT dengan efisien bersesuaian dengan aktiviti, program dan projek berimpak yang dapat memenuhi keperluan penduduk dalam KRT masing-masing.

Pendayaupayaan institusi, stratifikasi sosial dan nilai budaya masyarakat setempat adalah aset utama kepada kejayaan sesebuah KRT. Pendayaupayaan institusi ini merangkumi kekuatan sesebuah KRT meliputi kelebihan lokasi, kemudahan fizikal yang dimiliki dan keupayaan mengurus sumber manusia di dalamnya. Pendayaupayaan institusi ini turut melibatkan kefahaman mengenai institusi keluarga, sosioekonomi, penyertaan dalam organisasi dan nilai budaya. Manakala pendayaupayaan stratifikasi sosial pula adalah berdasarkan kefahaman mengenai status sosial dan peranan ahli dalam KRT. Selain itu, pendayaupayaan nilai budaya pula melibatkan penerapan nilai budaya berasaskan adab dan adat resam masyarakat bagi membentuk norma yang diterima dan dipraktikkan secara bersama.

Oleh itu, kajian pembangunan struktur sosial masyarakat berdasarkan maklumat yang dijana melalui pangkalan data profil penduduk dalam KRT akan mengisi satu lagi ruang dalam pembangunan KRT secara dalaman oleh sesebuah KRT. Usaha ini juga akan membolehkan JPNIN dan KPN mewujudkan kerangka pensampelan kajian perpaduan secara lebih tersusun kepada semua pihak bagi menjayakan agenda perpaduan yang lebih dinamik dalam masyarakat.

## OBJEKTIF KAJIAN

1

Membangunkan model kerangka profil penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga

2

Mengenal pasti isu dan cabaran sosioekonomi serta keperluan komuniti dalam Kawasan Rukun Tetangga

3

Mencadangkan strategi dan langkah efektif untuk memantapkan peranan Kawasan Rukun tetangga dalam pelaksanaan program perpaduan, kesukarelaan dan kenegaraan

## SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada penduduk dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditetapkan berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012) (Akta 751) yang berkuat kuasa pada 22 Jun 2012 bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Skop pengumpulan maklumat asas penduduk KRT dalam kajian ini adalah untuk membina model kerangka struktur sosial masyarakat dalam setiap KRT terpilih berasaskan maklumat demografi asas dan maklumat sosioekonomi. Kajian ini tidak bertujuan membuat proses generalisasi kepada setiap KRT atau seluruh KRT. Namun begitu, model kerangka profil penduduk yang dibangunkan ini boleh digunakan sebagai asas menggerakkan usaha menyeluruh untuk memahami asas kejayaan sesebuah komuniti KRT yang dibangunkan. Selain itu, ia sebagai penanda awal proses membangunkan profil penduduk boleh dijayakan kepada semua KRT. Disebabkan tiada proses generalisasi akan dilakukan, maka tiada soalan bersifat persepsi akan digunakan dalam kajian ini.

Borang maklumat asas penduduk yang dibentuk melibatkan soalan tertutup berbentuk dikotomi berdasarkan aras pengukuran nominal. Ini bermakna, responden hanya perlu menulis beberapa maklumat sahaja, manakala selebihnya adalah memerlukan responden menanda pada ruang yang disediakan. Penetapan kaedah ini adalah bagi memudahkan proses kutipan data, membentuk keseragaman jawapan untuk analisis dalam tempoh masa yang singkat, dan menstruktur data supaya mudah difahami oleh pengguna maklumat. Selain itu, struktur data yang dibentuk dapat diintegrasikan dengan mudah ke dalam bentuk papan pemuka (*dashboard*) maklumat yang sedang dibangunkan oleh JPNIN.

Kutipan maklumat asas penduduk berdasarkan KRT terpilih dalam tempoh kajian ini ditumpukan kepada pembangunan satu kerangka model struktur sosial masyarakat KRT berteraskan institusi sosial, stratifikasi sosial dan norma sosial. Pemilihan KRT diperolehi daripada Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan (BPMK), JPNIN.

Keutamaan maklumat penduduk adalah kepada penduduk yang tinggal di kediaman sendiri atau menyewa, berkeluarga dan melibatkan diri dalam kegiatan yang diadakan oleh komuniti dan masyarakat setempat. Kajian ini tidak memfokuskan kepada rumah kediaman yang didiami oleh penyewa bujang yang belum berkahwin, tinggal beramai-ramai dan rumah yang dijadikan inap desa kerana kelompok ini biasanya tidak melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan komuniti.

## Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti



### INFRASTRUKTUR

Gangguan bekalan air.  
Tempat letak kenderaan.  
Longkang tersumbat.  
Pembuangan sampah.  
Kutipan sampah.  
Lampu jalan.



### KEJIRANAN

Perselisihan faham.



### SARA HIDUP

Kemiskinan.  
Pengangguran.  
Kehilangan kerja.



### JENAYAH

Jenayah Narkotik: Dadah.  
Jenayah Harta Benda: Curi harta  
benda & pecah rumah.  
Jenayah kekerasan: Peras ugut &  
samun.

## Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti



### GEJALA SOSIAL

Lepak.  
Merempit.  
Vandalisme.



### WARGA EMAS

Bantuan material.  
Sokongan lain.



### PENDIDIKAN

Pencapaian akademik  
lemah.  
Keciciran pelajar.



### AGAMA

Tempat ibadat.

## Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti



**KRT berpaksikan individu sebagai pemimpin**



**Mentaliti dana sebagai penggerak KRT**



**Ikatan kekeluargaan semakin longgar**




**Ketidakpedulian kerana kecukupan diri**

## Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti




**Perjuangan hidup  
secara individu,  
berskala kecil**



**Belia kurang minat  
bidang pertanian**



**Masalah bekalan air**



**Penyalahgunaan  
dadah**

## Isu dan Cabaran Sosioekonomi serta Keperluan Komuniti

	Isu dan cabaran dalam aspek		
	PERPADUAN	KESUKARELAWANAN	KENEGARAAN
IS	Kepelbagaian generasi dan kegiatan sepunya berbeza menimbulkan defisit sosial dalam perpaduan.	Penglibatan kesukarelawan masih rendah.	Generasi berjiwa patriotik dan nasionalis semakin hilang.
SS	Keterikatan kepada ekonomi beracuan tradisional mengekang perpaduan aspek ekonomi.	Kurang inisiatif membina kepakaran individu untuk beri khidmat bakti.	Kurang penguasaan teknologi dan inovasi serta jaringan dengan agensi pembangunan.
NS	Penghayatan nilai murni rendah, menyukarkan perpaduan.	Keinginan menyumbang untuk kebaikan orang lain tidak diintegrasikan dengan jelas.	Tidak faham budaya sendiri dan kepelbagaian budaya.

Nota:

IS – Institusi Sosial

SS – Stratifikasi Sosial

NS – Norma Sosial



A group of men are walking outdoors on a paved path. The central figure is wearing a dark blue patterned short-sleeved shirt, a grey flat cap, and glasses. To his left is a man in a maroon long-sleeved shirt and glasses. To his right is a man in a light blue long-sleeved shirt and a brown cap. Further right is an older man in a maroon long-sleeved shirt and a white cap. The background shows lush green trees and a clear sky.

**Bab Dua**  
**METODOLOGI**

## REKA BENTUK KAJIAN

1

### **Kajian Tinjauan (*Cross-Sectional*)**

Kaedah kutipan data dilaksanakan sekali sahaja kepada responden. Borang maklumat asas diisi oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan dua Ahli Isi Rumah (AIR). Pembanci data, yang dipilih oleh Jawatankuasa KRT, adalah ahli KRT sendiri. Pembanci yang dikenali dan mempunyai autoriti mengurangkan kebimbangan terhadap isu *scammer* dan ancaman. Kutipan data dilakukan di tempat kediaman, memudahkan akses mengikut masa penghuni. Data yang dikumpul meliputi struktur keluarga walaupun unit analisis adalah individu.

2

### **Focus Group Discussion (FGD)**

Perbincangan dengan pihak berautoriti untuk maklumat asas KRT terlibat. Sumber maklumat dari pelbagai pihak termasuk Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Pengarah Perpaduan Negeri, Pegawai Perpaduan Daerah dan Jawatankuasa KRT

## SAMPEL KAJIAN



### 32 KRT

13 Negeri  
3 Wilayah Persekutuan



### 50 Rumah per KRT

Setiap rumah: 1 Ketua Isi Rumah (KIR)  
dan 2 Ahli Isi Rumah (AIR)



### Jumlah Responden

Anggaran 4,800 orang (32 KRT x 50 rumah x  
3 penghuni)

## PEMBOLEH UBAH KAJIAN

Maklumat asas kediaman	Nama KRT, alamat kediaman, pemilikan kediaman, jenis kediaman, pemilikan harta
Maklumat demografi	Nama, nombor telefon, alamat e-mel, jantina, umur, agama, etnik, subetnik, jenis penyakit
Maklumat pekerjaan	Status pekerjaan, nama jawatan pekerjaan, kategori pekerjaan, anggaran pendapatan bulanan
Maklumat pendidikan	Peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai, sijil pendidikan tertinggi yang diperolehi, bidang pengajian
Maklumat penglibatan dalam organisasi	Nama organisasi, jawatan dalam organisasi
Isu-Isu dalam KRT	Jenayah kekerasan, jenayah harta benda, jenayah narkotik, kebersihan, pendidikan, ekonomi/ sarahidup/ kualiti hidup, kebajikan, agama, kejiwaan, gejala sosial, infrastruktur
Nilai/ Budaya/ Norma	Adab dan adat resam yang diamalkan dalam KRT


## Daripada Profil Kepada Struktur Sosial

Profil Asas Penduduk KRT	Struktur Sosial Masyarakat KRT
<p>Jantina, umur, agama, etnik, subetnik, jenis keluarga, bilangan ahli isi rumah, kategori pendidikan, organisasi disertai dan jenis penyakit.</p>	<p><b>Institusi Sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu (Jantina, Kategori Umur, Jenis Penyakit)</li> <li>• Keluarga (Jenis Keluarga, Ahli Isi rumah tinggal bersama, Jumlah ahli keluarga sebenar)</li> <li>• Komuniti (Etnik , Agama)</li> </ul>
<p>Jawatan dalam organisasi, kedudukan ekonomi (berdasarkan pekerjaan), pendapatan isi rumah (bulanan), sijil pendidikan tertinggi, bidang pengajian, taraf ekonomi, pemilikan kediaman, jenis rumah.</p>	<p><b>Stratifikasi Sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sosioekonomi (berdasarkan pekerjaan dan pendidikan)</li> <li>• Status sosial (berdasarkan status pekerjaan, taraf ekonomi, pemilikan kediaman, jenis rumah dan pemilikan harta)</li> <li>• Peranan (berdasarkan status pekerjaan, jawatan dalam organisasi, keaktifan penglibatan dalam masyarakat)</li> <li>• Penyertaan dalam organisasi (berdasarkan penglibatan dan jawatan dalam organisasi)</li> </ul>
<p>Adab, adat resam, nilai budaya dan isu-isu dalam KRT.</p>	<p><b>Norma Sosial:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai dan budaya (berdasarkan anutan agama dan kepercayaan)</li> <li>• Budaya (berdasarkan adab dan adat resam)</li> <li>• Nilai (berdasarkan pegangan dan peraturan masyarakat)</li> </ul>

## ID KRT

01	KRT Kg Satey/Pantai	17	KRT Kampung Baginda
02	KRT Kg Felda Sri Jaya	18	KRT Sembulan Baru
03	KRT Taman Seri Marina	19	KRT Nanga Sebabu
04	KRT Kampung Kuala Dulang Kechil	20	KRT Kampung Kuala Sibuti
05	KRT Batu Papan	21	KRT Sri Sedeli
06	KRT Banggol Perdana	22	KRT Kg Endah
07	KRT Kg Gadek	23	KRT Kg Gunung
08	KRT Kg Bukit Nibong	24	KRT Kg. Telaga Batin
09	KRT KTMB	25	KRT Taman Bukit Kayangan
10	KRT Taman Desa Jati	26	KRT Kg Rama/ Permatang Keriang
11	KRT Maran 2	27	KRT Taman Pantai Indah Fasa 2
12	KRT Kg. Sg. Meranti	28	KRT Perumahan Awam Seri Perlis II
13	KRT Kg. Tersusun Klebang Selatan	29	KRT Jalan K P11
14	KRT Taman Chandan Putri	30	KRT Apartment Presint 16
15	KRT Pangsapuri Permata A-N	31	KRT Kg. Lubuk Temiang
16	KRT Kg Baharu Pinang Tunggal	32	KRT Kg. Kilan Pulau Akar

## Kerangka Struktur Sosial Komuniti KRT






# Bab Tiga DAPATAN KAJIAN



## JUMLAH KRT KAJIAN

Sebanyak 32 KRT disenaraikan untuk terlibat dalam kajian ini meliputi 13 Negeri dan tiga Wilayah Persekutuan. Proses kutipan data dilakukan oleh Jawatankuasa KRT menggunakan enumerator yang dilantik dan dilatih dalam kalangan ahli KRT sendiri. Tempoh kutipan data adalah di antara 15 hingga 28 April 2024. Masa tambahan diberi untuk pihak KRT membuat semakan dan penambahbaikan data sehingga 1 Mei 2024. Jadual 3 menunjukkan 32 KRT yang terpilih berjaya membuat kutipan dan pemasangan data ke dalam borang kajian dalam talian. Jumlah keseluruhan responden ialah 4264 orang.




## Profil Responden Berdasarkan Jantina

Secara amnya, lelaki dan perempuan mempunyai sumbangan yang berbeza dalam aktiviti KRT mengikut lokaliti KRT; sebagai contoh, lelaki mungkin lebih cenderung untuk terlibat dalam program keselamatan dan pemantauan kawasan, manakala golongan wanita lebih cenderung dalam aktiviti-aktiviti berkaitan kebajikan masyarakat. Data ini penting untuk memahami dinamika sosial dan demografi dalam KRT. Dalam kebanyakan KRT, lelaki cenderung menjadi penggerak kepada program dan aktiviti manakala perempuan menjadi kumpulan pelaksana.





## Profil Berdasarkan Kategori Umur

Carta ini menggambarkan penglibatan komuniti KRT dalam kumpulan umur yang berbeza, menonjolkan bahawa individu berumur 18-40 adalah peserta yang paling aktif dalam pelbagai kategori, terutamanya dalam KRT03, KRT13, KRT16, KRT19, KRT21, dan KRT31. Ini menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi di kalangan golongan dewasa muda. Sebaliknya, orang dewasa yang lebih tua berumur lebih 60 tahun kelihatan aktif dalam KRT03 dan KRT11, menunjukkan bahawa kategori ini mungkin memenuhi aktiviti atau peranan yang lebih menarik bagi golongan tua. Walaupun kumpulan umur di bawah 18 tahun kurang diwakili, masih terdapat penyertaan yang ketara dalam KRT21, KRT25, dan KRT29, menunjukkan beberapa penglibatan daripada ahli-ahli yang lebih muda. Kumpulan umur 41-60 menunjukkan tahap penglibatan yang seimbang, dengan penyertaan yang ketara dalam KRT03, KRT11, KRT19, dan KRT27. Secara keseluruhan, komuniti KRT mempamerkan pelbagai penglibatan merentas kumpulan umur, dengan golongan dewasa muda yang paling aktif dan orang dewasa yang lebih tua menyumbang dengan ketara dalam kategori tertentu.




## Profil Individu Berdasarkan Tahap Kesehatan

Data yang diberikan merupakan hasil survei ke atas 32 komuniti KRT untuk mengkaji taburan penyakit dalam kalangan penduduk setempat. Hasil analisis menunjukkan variasi penyakit yang berbeza di setiap komuniti, dengan hipertensi (darah tinggi) menunjukkan kecenderungan untuk menjadi masalah kesihatan yang paling lazim dijumpai. Di samping itu, diabetes (kencing manis) dan penyakit jantung juga merupakan kebimbangan utama dengan jumlah kes yang signifikan. Penyakit asma, kolesterol tinggi, dan kecacatan atau masalah kesihatan lain juga dikesan dalam kajian.




## Profil Keluarga Berdasarkan Jenis Keluarga

Analisis mendapati majoriti responden kajian berada dalam jenis keluarga asas iaitu keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak. Kumpulan kedua terbesar ialah kumpulan keluarga luas iaitu sebuah keluarga asas yang tinggal bersama ahli keluarga. Seterusnya, sebahagian responden pula terdiri daripada keluarga tunggal. Kepelbagaian jenis keluarga yang berbeza juga terdapat dalam setiap KRT.




## Profil Berdasarkan Agama

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden dalam kawasan KRT yang terpilih dalam kajian ini ialah kawasan penduduk yang majoriti beragama Islam kecuali bagi KRT Nanga Sebabu dengan majoriti beragama Kristian. Secara keseluruhan, analisis data ini menunjukkan kepelbagaian agama dalam program Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia, dengan Islam sebagai agama majoriti dan terdapat juga kehadiran minoriti agama seperti Kristian, Buddha, Hindu, dan Tao.




## Profil Individu Berdasarkan Etnik - Semenanjung

Majoriti KRT di Semenanjung Malaysia merupakan kawasan penduduk yang majoritinya adalah etnik Melayu.




## Profil Individu Berdasarkan Etnik – Sabah, Sarawak & Labuan


KRT Kampung Baginda di Sabah pula adalah kawasan majoriti responden berbangsa Kadazan Dusun, manakala KRT Nanga Sebabu di Sarawak ialah kawasan majoriti responden terdiri daripada kumpulan etnik Iban. Kepelembagaan etnik pula terdapat dalam KRT Sembulan Baru di Sabah dan KRT KRT Kampung Kuala Sibuti di Sarawak. Majoriti responden di Wilayah Persekutuan Labuan juga adalah etnik Melayu, dan diikuti oleh etnik Kadayan di KRT Kg. Kilan Pulau Akar dan Melayu Brunei di KRT Kg. Lubuk Temiang.



Responden KRT Sabah



Responden KRT Sarawak




Responden KRT Wilayah Persekutuan Labuan

## Sosioekonomi Berdasarkan Jenis Pekerjaan


Diagram ini menunjukkan pengagihan pekerjaan dalam kumpulan berlabel KRT01 hingga KRT32 merentasi kategori Kerajaan, Sektor Swasta, Bekerja Sendiri/Usahawan, dan Penganggur/Suri Rumah. Kategori Penganggur/Suri Rumah secara konsisten mempunyai bilangan tertinggi, memuncak pada KRT06 (181) dan KRT26 (106). Pekerjaan Kerajaan yang paling ramai adalah di KRT29 (79). Pekerjaan Sektor Swasta kekal stabil tetapi lebih rendah, dengan tertinggi pada KRT26 (64). Bekerja Sendiri/Usahawan mempunyai bilangan terendah. Graf garis menunjukkan turun naik dalam nilai maksimum, terutamanya pada KRT06 (181) dan KRT26 (106), menekankan dominasi kategori Penganggur/Suri Rumah dan corak pengagihan pekerjaan yang pelbagai merentasi kumpulan.

■ Kerajaan ■ Swasta ■ Bekerja Sendiri / Peniaga ■ Tidak Bekerja/Surirumah —○— Max




## Sosioekonomi Berdasarkan Jenis Pekerjaan

Carta pai menunjukkan daripada kajian 32 KRT, 514 responden berada di agensi kerajaan, manakala 1,189 berada di sektor swasta. Di agensi kerajaan, pembahagiannya kepada empat kumpulan: Kumpulan P&P 156 (30.74%), Kumpulan Sokongan Ila 123 (23.93%), Kumpulan Sokongan II 122 (23.74%), dan Kumpulan Sokongan III/Ili 111 (21.59%). Kumpulan P&P 156 membentuk segmen terbesar pada 30.74%, diikuti oleh Kumpulan Sokongan Ila 123 pada 23.93%, Kumpulan Sokongan II 122 pada 23.74%, dan Kumpulan Sokongan III/Ili 111 pada 21.59%. Carta ini mewakili secara visual saiz yang berkadar bagi jenis pekerjaan di semua 32 KRT. Manakala di sektor swasta, pembahagiannya kepada dua kumpulan: Sektor swasta bukan eksekutif 936 (78.72%) dan Sektor swasta eksekutif 253 (21.28%).



## Sosioekonomi Berdasarkan Jenis Pekerjaan


Diagram pertama ialah carta donat bersegi yang memaparkan taburan pelbagai jenis peniaga. Segmen-segmen termasuk Pemilik SLT (151, 35.04%), Bekerja Sendiri (61, 14.17%), Pemilik Syarikat (53, 12.30%), Usahawan PKS (43, 9.97%), dan Peruncit/Pemborong (45, 10.45%). Carta donat kedua menunjukkan taburan individu berdasarkan status pekerjaan, dengan 1,535 individu (64.31%) dikategorikan sebagai Tidak Bekerja dan 852 individu (35.69%) dikategorikan sebagai Suri Rumah. Kedua-dua diagram ini secara visual mewakili nisbah relatif kategori ini dalam populasi masing-masing.



## Sosioekonomi Berdasarkan Jenis Pekerjaan


Berdasarkan kepada rekod yang diperolehi, jumlah keseluruhan pelajar yang terdapat di KRT yang dikaji ialah seramai 513 orang, yang mana boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Belum Bersekolah 4 orang, Pelajar Sekolah 359 orang, Pelajar Kolej 55 orang dan Pelajar Universiti 95 orang. KRT dengan jumlah pelajar sekolah yang tinggi menunjukkan populasi muda yang besar, yang memerlukan fasiliti pendidikan mencukupi sekolah dan program sokongan pendidikan seperti perpustakaan, pusat sumber dan fasiliti sukan.

■ Belum Bersekolah 
 ■ Pelajar Sekolah 
 ■ Pelajar Kolej 
 ■ Pelajar Universiti




## Sosioekonomi Berdasarkan Pendidikan

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar ahli KRT mempunyai Pendidikan Menengah Atas iaitu seramai 2105 orang dengan KRT Kampung Kuala Dulang Kecil mempunyai bilangan Pendidikan Menengah Atas paling banyak iaitu seramai 106 orang. Ahli KRT yang mempunyai pendidikan rendah, iaitu seramai 500 orang dengan KRT Nanga Sebabu mempunyai bilangan pendidikan rendah paling ramai dengan 86 orang. Ahli KRT yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf ialah seramai 437 orang dengan KRT Sri Sedeli mempunyai bilangan pendidikan Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf paling ramai dengan 49 orang.




## Penglibatan Dalam Pelbagai Organisasi

Data menunjukkan perbandingan jumlah individu yang tidak terlibat dengan mereka yang aktif dalam pelbagai organisasi komuniti. "*Community Policing*" mencatatkan penglibatan terendah dengan hanya 7.0% individu aktif, manakala KRT menunjukkan penglibatan tertinggi dengan 46.5% individu aktif. Organisasi seperti "Persatuan Kaum" dan "Persatuan Belia" juga mempunyai peratusan penglibatan yang rendah, masing-masing 9.9% dan 9.3%, sementara "SRS" menunjukkan tahap penglibatan yang lebih tinggi dengan 43.8% individu aktif. Secara keseluruhan, kebanyakan organisasi menunjukkan lebih ramai individu yang tidak terlibat berbanding mereka yang aktif. Ini mencerminkan pelbagai faktor seperti minat individu, kepentingan organisasi dalam komuniti, atau halangan lain yang menghalang penglibatan aktif.




## Penglibatan Dalam Pelbagai Organisasi

Jadual di atas menunjukkan bilangan ahli dan jawatan dalam pelbagai organisasi di Malaysia. KRT mempunyai jumlah ahli tertinggi dengan 1,448 ahli, diikuti oleh Khairat Kematian dengan 755 ahli. RELA mempunyai bilangan ahli paling sedikit dengan hanya 150 ahli. Dari segi jawatan, KRT juga memimpin dengan jumlah AJK sebanyak 363, 32 setiausaha, 26 pengerusi, dan 23 bendahari. JKKK/JPKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) dan Persatuan Penduduk masing-masing mempunyai jumlah ahli sekitar 368 dan 447, namun perbezaan dalam bilangan jawatan adalah ketara. Parti Politik memiliki 291 ahli, tetapi mempunyai jumlah pengerusi yang tinggi iaitu 21, mencerminkan keperluan kepimpinan yang lebih aktif dalam organisasi tersebut. Persatuan Belia dan Persatuan Kaum, walaupun mempunyai ahli yang lebih sedikit, tetap menunjukkan penglibatan melalui jawatan seperti pengerusi dan bendahari. Secara keseluruhan, data ini menggambarkan variasi dalam penglibatan ahli dan kepelbagaian struktur kepimpinan dalam pelbagai jenis organisasi di Malaysia.




## Penglibatan Dalam KRT

Carta bar mendatar ini membandingkan penglibatan dalam "KRT" dengan tidak terlibat dalam kategori yang dilabelkan sebagai KRT01 hingga KRT32. Bar biru mewakili jumlah yang terlibat dalam KRT, manakala bar hijau menunjukkan tidak terlibat. Pemerhatian ketara termasuk jumlah penglibatan yang tinggi dalam kategori seperti KRT07, KRT11, dan KRT27, manakala KRT05, KRT17, KRT19, KRT21, dan KRT22 menunjukkan jumlah tidak terlibat yang lebih tinggi. Beberapa kategori, seperti KRT01, KRT13, KRT23, dan KRT26, menunjukkan pengedaran yang seimbang antara penglibatan dan tidak terlibat. Secara keseluruhan, carta ini menonjolkan variasi yang ketara dalam penglibatan KRT merentasi pelbagai kategori, tanpa satu corak yang dominan.



## Penglibatan Dalam KRT Mengikut Jawatan Disandang

Daripada jumlah keseluruhan 4,264 responden, sebahagian besar iaitu 2,382 orang (55.9%) tidak terlibat dalam KRT dan hanya 1,882 (44.1%) terlibat dalam mana-mana jawatan dalam KRT. Carta pai ini menggambarkan peratusan pengagihan jawatan dalam satu organisasi. Majoriti besar terdiri daripada Ahli biasa yang mewakili 75.13% daripada keseluruhan. AJK (Ahli Jawatankuasa) adalah kumpulan kedua terbesar dengan 20.35%. Setiausaha menyumbang sebanyak 1.75%, manakala Pengerusi menyumbang sebanyak 1.49%. Bendahari mempunyai peratusan terkecil dengan 1.28%. Carta ini menunjukkan bahawa hanya peratusan yang kecil memegang jawatan-jawatan penting dalam organisasi seperti AJK, Bendahari, Setiausaha dan Pengerusi. Ini memberikan gambaran jelas tentang struktur keanggotaan dan pengurusan organisasi tersebut, dengan peranan pengurusan dipegang oleh sebilangan kecil ahli berbanding jumlah keseluruhan keanggotaan.




## Penglibatan Dalam Jawatan KRT dan SRS Mengikut Jantina

Dapatan ini menunjukkan penglibatan golongan lelaki dan wanita hampir seimbang dalam pelbagai jawatan dan organisasi sama ada KRT atau SRS. Walau bagaimanapun, kebanyakan jawatan utama dalam KRT iaitu Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha masih disandang oleh golongan lelaki manakala golongan wanita adalah jentera penting sebagai AJK dan ahli yang aktif. Terdapat juga penduduk yang memegang jawatan lebih daripada satu organisasi.


### KRT

Kawasan Rukun Tetangga




### SRS

Skim Rondaan Sukarela




## Penglibatan Dalam KRT Berdasarkan Etnik - Semenanjung

Dapatan menunjukkan penglibatan Etnik adalah berdasarkan dominasi etnik yang ada dalam Kawasan KRT. Etnik Melayu yang menghuni kebanyakan kawasan KRT adalah tonggak penting kepada pembangunan KRT.




## Penglibatan Dalam KRT Berdasarkan Etnik - Sabah, Sarawak & Labuan

Data menunjukkan penglibatan etnik dalam KRT di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di Sabah, KRT Kampung Baginda diaktifkan oleh etnik Kadazan Dusun, manakala di KRT Sembulan Baru, terdapat empat etnik yang aktif menggerakkan KRT berkenaan iaitu etnik Bajau/ Sama, Melayu Brunei/ Brunei, Bumiputera Sabah Lain dan Kadazan Dusun. Di Sarawak pula, KRT KRT Nanga Sebabu digerakkan oleh kaum Iban, dan KRT Kampung Kuala Sibuti digerakkan oleh etnik Melanau.




## Status Sosial Berdasarkan Pemilikan Kediaman

Maklumat pemilikan kediaman akan menunjukkan stratifikasi sosial berdasarkan status sosial individu dan keluarga. Pemilikan kediaman dianalisis berdasarkan status pemilikan kediaman oleh ketua isi rumah. Secara keseluruhan, pemilikan sendiri merupakan jenis pemilikan yang paling dominan. Jumlah kediaman dalam kajian ini ialah 1524 buah. Jenis kediaman yang dihuni oleh responden ialah sesebuah (822 buah), Teres (393 buah), Pangsapuri (152 buah), Rumah Pangsa (52 buah), Berkembar (50 buah), dan rumah panjang (42 buah). Selain itu terdapat responden tinggal di bilik (6 buah), rumah kedai/pejabat (5 buah) dan berkelompok serta rumah kampung air (sebuah).




## Status Sosial Berdasarkan Pemilikan Harta

Majoriti responden kajian ini tinggal di rumah yang dimiliki sendiri sama ada oleh ketua keluarga (biasanya bapa atau ibu). Dapat difahami bahawa kebanyakan penduduk dalam KRT adalah pemastautin tetap. Namun, Terdapat juga penduduk dalam KRT yang menyewa. Sebagaimana diketahui, komitmen penyewa dalam aktiviti kemasyarakatan KRT adalah minimum kerana mereka tinggal berorientasikan keperluan pekerjaan masing-masing. Terdapat kediaman sendiri yang diwarisi sebagai rumah pusaka.




## Status Sosial Berdasarkan Pendapatan

Hasil kajian mendapati majoriti responden berada dalam kategori B40 yang berpendapatan pendapatan kurang RM2500. Bagi kategori tiada pendapatan, majoriti responden adalah dalam kalangan suri rumah dan pelajar sekolah yang tidak memberikan refleksi sebenar kepada sebab musabab mengapa mereka tidak mempunyai pendapatan. Bagi berpendapatan sederhana adalah dari penduduk dala kategori pekerjaan pertengahan atau pesara. Golongan ini mempunyai kehidupan agak stabil dan cenderung aktif dalam KRT.




## Stratifikasi Peranan Berdasarkan Status Pekerjaan

Analisis kajian ini menunjukkan taburan sosial dan pekerjaan dalam masyarakat, dengan kategori utama seperti "Kumpulan Sokongan" (30.33%), "Suri Rumah" (20%), dan "Pelajar Sekolah" (11.95%). Kumpulan sokongan merupakan yang terbesar, mencerminkan peranan penting mereka dalam menyokong fungsi harian masyarakat. Suri rumah dan pelajar sekolah juga memainkan peranan penting, menekankan kepentingan struktur keluarga dan pendidikan. Sebaliknya, jumlah individu yang tidak bekerja (11.52%) menunjukkan potensi keperluan intervensi untuk meningkatkan peluang pekerjaan. Kategori lain termasuk "Kumpulan Pengurusan dan Profesional" (9.65%), "Pesara" (8.45%), serta peniaga dan pengusaha yang mencerminkan aktiviti ekonomi mikro dan inovasi dalam masyarakat. Dapatan ini mencerminkan struktur sosial yang kompleks dan dinamik dengan penekanan pada pendidikan, sokongan, dan ekonomi.




## Stratifikasi Peranan Berdasarkan Status Pekerjaan

Rajah ini adalah carta bar yang menunjukkan pengagihan kumpulan pekerjaan yang berbeza di pelbagai kawasan, yang dikenal pasti oleh nombor KRT unik mereka. Kumpulan pekerjaan termasuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional (biru), Kumpulan Sokongan (hijau), Pemilik Syarikat/Usahawan PKS (kuning), Peniaga (Runcit/Wholesaler/Gerai, merah), dan Bekerja Sendiri (biru muda). Data penting ditandakan dengan penanda: KRT102 dengan 71 individu dalam Kumpulan Sokongan, KRT110 dengan 13 individu dalam kategori Bekerja Sendiri, KRT112 dengan 16 Peniaga, KRT113 dengan 13 Pemilik Syarikat/Usahawan PKS, dan KRT129 dengan 49 individu dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Carta ini menekankan perbezaan dalam jenis pekerjaan di seluruh kawasan, dengan beberapa kawasan menunjukkan kepekatan tinggi dalam kategori tertentu, seperti bilangan Kumpulan Sokongan yang tinggi di KRT102 dan bilangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang tinggi di KRT129.




## Stratifikasi Peranan Berdasarkan Jawatan Dalam Organisasi

Data ini menunjukkan kekerapan seseorang ahli KRT memegang jawatan dalam organisasi di bawah KRT. Terdapat lima jawatan utama: Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, dan Ahli Jawatankuasa (AJK). AJK mencatat jumlah kekerapan tertinggi dalam semua kategori, dengan 333 ahli KRT pernah sekali menjadi AJK, 230 ahli memegang jawatan AJK sebanyak dua kali, 153 ahli tiga kali, dan 94 ahli empat kali atau lebih. Pengerusi pula mencatat 59 ahli pernah sekali memegang jawatan, 28 ahli dua kali, 12 ahli tiga kali, dan 4 ahli empat kali atau lebih. Setiausaha dan Bendahari menunjukkan kekerapan yang lebih rendah.




## Budaya dan Nilai dalam Masyarakat KRT

Berdasarkan kajian, lebih tiga per empat daripada responden menyatakan nilai dan budaya baik dan positif masih wujud dan diamalkan dalam KRT masing-masing. Hakikatnya, pelbagai budaya dan nilai membentuk norma sosial masyarakat. Penentuan adab dan adat resam yang diamalkan dalam masyarakat akan membantu proses menjana budaya dan nilai masyarakat dalam KRT untuk membentuk norma masyarakat sama ada secara atas ke bawah (takrifan autoriti) atau nilai dan budaya yang diterap dari masa ke semasa oleh masyarakat akar umbi sendiri (takrifan harian). Pelbagai budaya dan nilai boleh diteliti sebagai norma sosial masyarakat KRT kajian ini.



## Isu-isu dalam KRT

Kebanyakan masalah adalah berkaitan dengan infrastruktur dan kebersihan. Perkara ini perlu diteliti berdasarkan lokaliti KRT masing-masing. Soal infrastruktur dan kebersihan perlu dibincangkan dalam platform dengan banyak pihak dan agensi berkaitan. Selain itu, masalah ekonomi dan sara hidup juga kekal menjadi kekusaran penduduk dalam KRT. Di sinilah pentingnya setiap KRT kajian ini diteliti secara lengkap daripada segenap sudut untuk meningkatkan kapasiti mereka mencapai ruang sebagai KRT progresif mengikut aspek yang bersesuaian dengan mereka. Tahap keaktifan KRT terpilih ini telah diyakini mampu menjadi KRT progresif terbaik.







**Bab Empat**  
**CADANGAN DAN**  
**KESIMPULAN**

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: PERPADUAN

INSTITUSI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH	AGENSI PENERAJU
<b>Meraikan Kepelbagaian Generasi dan Kegiatan Sepunya</b>	Memperkenalkan program “Jejak Bertapak”	Individu	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• Akademi Kenegaraan, JPM</li> </ul>
	Mewujudkan program “Suluh Bestari”	Keluarga	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPWKM</li> </ul>
	Memperkenalkan program “Zumba Perpaduan”	Komuniti	Sedia Ada	Jangka Pendek (1 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KBS</li> </ul>
	Memperkasa program “Santuni Jiran Sekomuniti”	Komuniti	Sedia Ada ‘Jiranku Keluargaku’	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> </ul>
	Memperkasa program “RT4ALL” sebagai ‘KRT Sejahtera’	Komuniti	Sedia Ada ‘RT4ALL’	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> </ul>
	Memperluaskan jenis sukan dalam “Liga Komuniti Lestari”	Komuniti	Sedia Ada ‘Liga Perpaduan’	Jangka Pendek (1 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KBS</li> <li>• PDRM</li> </ul>
	Memperluas program “Rewang se-KRT”	Komuniti	Sedia Ada	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> </ul>

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: PERPADUAN

STRATIFIKASI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH	AGENSI PENERAJU
<b>Memperkasa keterikatan ekonomi berteraskan pengembangan ilmu</b>	Memperkenalkan program “Jariah Ilmu Komuniti Sejahtera”	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPM</li> </ul>
	Memberi nafas baharu “Kebun Komuniti” dengan ‘Tanah Sejengkal Hasil Segantang’	Komuniti	Sedia Ada ‘Kebun Komuniti’	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPKM</li> </ul>
	Melonjakkan “Pendayaupayaan Sosioekonomi”	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPKM</li> </ul>
	Memperkenalkan program “Hidup Berilmu”	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPM</li> </ul>
	Memperkenalkan “Kembara Perpaduan Jauh Perjalanan Luas Pandangan Terbuka Fikiran”	Komuniti	Sedia Ada ‘Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN)’	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KBS</li> </ul>

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: PERPADUAN

NORMA SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH	AGENSI PENERAJU
<b>Meningkatkan pemahaman dan penghayatan nilai murni dalam dalam kehidupan</b>	Memupuk nilai "Budaya Kita"	Komuniti	Sedia Ada Program 'Kenali Budaya Kita'	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Membina kefahaman perbezaan amalan agama	Komuniti	Sedia Ada 'Sambutan Minggu Keharmonian Antara Pelbagai Agama dan Budaya'	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Memberi kefahaman 'Perpaduan adalah Silaturrahim'	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Menjalin ikatan "Guyub Selawase"	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Memperluas penghayatan nilai budaya 'ikut resmi padi, semakin tunduk semakin berisi'	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KESUKARELAWANAN

INSTITUSI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH LAKSANA	AGENSI PENERAJU
Menggalakkan penglibatan individu, keluarga dan komuniti dalam pelbagai aspek kesukarelawanan	Memupuk semangat kesukarelawanan “Bakti Bersama”	Individu	Sedia Ada 'Program TUNAS (Terap, Usaha, Nilai, Amalan, Sukarela)'	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN • KBS
	Mewujudkan pendekatan “Prihatin Kasih Sejahter”	Keluarga	Sedia Ada 'Pemimpin Muda Prihatin'	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN • KBS
	Memperkasa program gotong-royong “Ikatan Harmoni”	Komuniti	Sedia Ada 'Gotong-Royong RT4ALL'	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN • KBS
	Memperkenalkan program bantuan “Pautan Harapan”	Komuniti	Sedia Ada 'Jom Komuniti 3S (Selesa, Selamat, Sejahtera)'	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN • KPWKM
	Mendorong pemberian sumbangan “Gema Persada”	Komuniti	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Memperkasa program “Jom Ronda SRS”	Komuniti	Sedia Ada 'Jom Ronda'	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN • PDRM
	Memperkenalkan program “Sahabat Sejahtera Rentak Sedegam, Langkah Sepijak”	Komuniti	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KESUKARELAWANAN

STRATIFIKASI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH LAKSANA	AGENSI PENERAJU
Melatih dan memperkasa individu untuk mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat dalam meningkatkan tahap pendidikan dan taraf sosioekonomi	Mewujudkan kelas tuisyen "Pintar Pelita"	Komuniti	Sedia Ada 'Program Tuisyen Percuma'	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPM</li> </ul>
	Memperkenalkan pendekatan "Pemangkin Pendidik"	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPM</li> </ul>
	Memperkenalkan program "Ekobakti Komuniti"	Komuniti	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KPKM</li> <li>•</li> </ul>
	Mewujudkan program "Wira Usahawan Sosial"	Komuniti	Sedia Ada 'Perantis Usahawan RT'	Jangka Panjang (5 Tahun)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPN</li> <li>• KDW</li> <li>• KUSKOP</li> </ul>

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KESUKARELAWANAN

NORMA SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH	AGENSI PENERAJU
<b>Memperkasa khidmat bakti individu melalui penghayatan integrasi nilai murni</b>	Mewujudkan program “Kasih yang muda, hormati yang tua”	Komuniti	Sedia Ada ‘YES ( <i>Young, Effective and Smart</i> )’	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Memperkenalkan program “Adat dijunjung, budaya disanjung”	Komuniti	Sedia Ada ‘Program Integrasi Nasional (PINas)’	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN • NGO
	Memperkenalkan program “Harmoni Budaya”	Komuniti	Sedia Ada ‘Pentas Busana Perpaduan’	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN • NGO

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KENEGARAAN

INSTITUSI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH LAKSANA	AGENSI PENERAJU
Melahirkan generasi yang berjiwa patriotik dan nasionalis	Memperkasa pendekatan "Penghayatan Rukun Negara"	Individu	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Mewujudkan ikon "Patriot Perpaduan"	Individu	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Memperluas pendedahan "Konsep Perpaduan Bersatu Teguh Bercerai Roboh"	Keluarga	Baharu	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN
	Memperkasa Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia	Komuniti	Sedia Ada 'Sambutan Kemerdekaan'	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Memperluas Kempen Jalur Gemilang 1 Rumah 1 Bendera	Komuniti	Sedia Ada 'Sambutan Kemerdekaan'	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Mewujudkan 'Tagline KRT' sebagai teras perpaduan	Komuniti	Baharu	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN
	Melaksanakan Projek Mural Patriotik Komuniti	Komuniti	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KENEGARAAN

STRATIFIKASI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH LAKSANA	AGENSI PENERAJU
Memperkuh penguasaan teknologi dan inovasi serta jaringan agensi untuk manfaat komuniti	Memperkenalkan "Hackathon Teknologi untuk Komuniti"	Komuniti	Baharu	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN
	Mendorong rekaan "Produk Berinspirasi Nasional"	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN
	Memperluas jaringan dengan agensi kerajaan	Komuniti	Sedia Ada Jaringan dengan agensi	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN

## CADANGAN PELAN TINDAKAN: KENEGARAAN

STRATIFIKASI SOSIAL					
STRATEGI	INISIATIF / PROGRAM	SASARAN	STATUS	TEMPOH LAKSANA	AGENSI PENERAJU
Memahami budaya sendiri dan nilai budaya masyarakat kepelbagaian membentuk budaya nasional	Menghormati kepelbagaian budaya sebagai acuan "Hidup Bersama"	Komuniti	Sedia Ada 'Program Detik-Detik Perpaduan'	Jangka Pendek (1 Tahun)	• KPN
	Menjulung budaya tradisi sebagai "Tapak Integrasi"	Komuniti	Baharu	Jangka Sederhana (3 Tahun)	• KPN
	Mengenal pasti asas budaya sendiri	Komuniti	Baharu	Jangka Panjang (5 Tahun)	• KPN

## KESIMPULAN

KRT mempunyai **struktur sosial** masyarakat yang **dinamik**. Fokus utama pembangunan adalah kepada **institusi sosial** – individu dan keluarga


Sungguhpun wujud **stratifikasi sosial** dalam KRT, kesemua ciri ini **tidak memberi kesan** kepada usaha memajukan KRT.

**Norma sosial** masyarakat dalam KRT **telah melalui proses didikan** generasi ke generasi.

KRT mempunyai **individu yang memimpin KRT dengan cemerlang**.

**Ikatan kekeluargaan** adalah kunci terbesar setiap KRT.

**KRT perlukan penjenamaan baharu** bukan sahaja berasaskan aktiviti perekonomian, tetapi penjenamaan **dalam mengukuhkan institusi sosial** pada peringkat individu dan keluarga.



## Jalan Ke Hadapan

1. **Bengkel Pemurnian** Cadangan Pelan Tindakan.
2. **Falsafah dan *Tagline*** Sebagai Pakej Baharu Aktiviti Perpaduan.
3. **Pembangunan Profil Lengkap** Seluruh KRT Progresif.
4. **Pembangunan Infrastruktur** Pangkalan Data KRT.
5. **Memperkasa Kefahaman dan Latihan** Kepada Pegawai Perpaduan
6. **Kolaborasi Strategik** Merentas Agensi

## GLOSARI

Istilah	Penerangan	Rujukan
<b>Struktur Sosial Masyarakat</b>	Merujuk kepada kerangka yang menjelaskan hubungan pada tahap individu, keluarga dan komuniti yang membentuk sebarang corak tingkah laku sosial yang berulang-ulang atau perhubungan yang teratur antara pelbagai unsur dalam sistem sosial atau masyarakat dan mempengaruhi kehidupan sosial dalam sesebuah masyarakat.	Coleman (2004), Bernardi, González, & Requena (2007), Giddens (1979).
<b>Institusi Sosial</b>	Merujuk kepada unit individu dan unit keluarga dalam sesebuah unit komuniti berkait dengan sistem pendidikan, organisasi agama dan entiti ekonomi.	Forrest & Kearns, (2001), Sinclair (2002), Tseng & Seidman (2007).
<b>Stratifikasi Sosial</b>	merujuk kepada susunan hierarki individu atau kumpulan dalam masyarakat berdasarkan pelbagai faktor seperti kekayaan, kuasa, pendidikan, dan status sosial.	(Coleman (1966), (Grusky, 2019).
<b>Norma Sosial</b>	Merujuk kepada nilai dan budaya yang dipraktikkan dalam masyarakat (Umanailo et al., 2021). Norma boleh dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu nilai moral (berdasarkan agama dan kepercayaan yang diwarisi dan dipelajari), norma sosial (tidak formal seperti adab dan adat resam), dan norma formal iaitu peraturan atau undang-undang yang sah.	Umanailo et al. (2021), van Tubergen (2020), Burke & Young (2011), Morris et al. (2015), Chung & Rimal (2016).

## Rujukan

- Bernardi, F., González, J. J., & Requena, M. (2007). The sociology of social structure. *21st century sociology: A reference handbook*, 1, 162-70.
- Burke M. A., Young P. H. (2011). Social norms. In Benhabib J., Bisin A., Jackson M. O. (Eds.), *Handbook of social economics* (Vol. 1, pp. 311–338). Amsterdam, the Netherlands: North-Holland.
- Chung A., Rimal R. N. (2016). Social norms: A review. *Review of Communication Research*, 4, 1–28.
- Coleman, J. (2004). A Rational Choice Perspective in Economic Sociology. *J. Econ. Sociol.* 5, 35–44. doi:10.17323/1726-3247-2004-3-35-44
- Coleman, J. S. (1966). Individual Interests and Collective Action. *Public Choice* 1, 49–62. doi:10.1007/BF01718988
- Forrest, R., & Kearns, A. (2001). Social cohesion, social capital and the neighbourhood. *Urban studies*, 38(12), 2125-2143.
- Giddens, A. (1979). *Central Problems in Social Theory*. University of California Press, Berkeley.
- Grusky, D. B. (2019). The past, present, and future of social inequality. In *Social Stratification, Class, Race, and Gender in Sociological Perspective, Second Edition* (pp. 3-51). Routledge.
- Morris M. W., Hong Y.-y., Chiu C.-y., Liu Z. (2015). Normology: Integrating insights about social norms to understand cultural dynamics. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 129, 1–13.
- Sinclair, T. A. (2002). From community building to governing strangers: Reconceptualizing institutional relationships among governments, community organizations, and individuals. *The American Review of Public Administration*, 32(3), 312-325.
- Tseng, V., & Seidman, E. (2007). A systems framework for understanding social settings. *American journal of community psychology*, 39, 217-228.
- Umanailo, M. C. B., Apriyanto, M., Lionardo, A., Kurniawan, R., Amanto, B. S., & Rumaolat, W. (2021). Community Structure and Social Actions in Action of Land Conversion. *Frontiers in Environmental Science*, 9, 701657.
- Van Tubergen, F. (2020). *Introduction to sociology*. Routledge.

Kerajaan  
PERPADUAN

KOPERASI KRT  
ZON SELATAN | JOHOR BAHRU

70



LAMPIRAN

JUALAN EKONOMI  
RUKUN TE

TAN MINGGU PERPADUAN  
AT KEBANGSAA

VET  
MARY HOTEL

## Kajian Tinjauan



KRT Kampung Endah, Kuala Langat, Selangor



KRT Desa Jati, Nilai, Negeri Sembilan

## Kajian Tinjauan



KRT Kg Gunung, Hulu  
Terengganu, Terengganu



KRT Perumahan Awam Seri Perlis II,  
Dang Wangi, Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur

## Kajian Tinjauan



KRT Kg Baharu Pinang Tunggal,  
Seberang Perai Utara, Pulau  
Pinang



Kg Gadek, Alor Gajah, Melaka

## Kajian Tinjauan



Sembulan Baru, Kota Kinabalu,  
Sabah

## Focus Group Discussion



KRT Kg Endah, Banting, Selangor



Kg Sg Rama, Perlis



KRT Kg Sg. Gadek, Melaka





Kajian Pembangunan Struktur Sosial Masyarakat Dalam Kawasan  
Rukun Tetangga

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNN)  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,  
Lebuhraya Timur,  
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA